

KESALAHAN LIWAT DALAM ENAKMEN KANUN JENAYAH SYARIAH II 1993 NEGERI KELANTAN

Oleh : Hamidi Bin Abdul Ghani*

Abstrak

Perbuatan liwat merupakan satu kesalahan jenayah dalam undang-undang jenayah Islam. Kerajaan Kelantan telah memperuntukkan kesalahan liwat dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993. Peruntukkan tersebut telah disalah tafsir oleh sesetengah pihak. Artikel ini akan menyingkap kekeliruan yang ditimbulkan itu. Artikel ini akan menyingkap kekaburan yang timbul itu dengan menerangkan pandangan Islam mengenai hukum liwat.

Sodomy behavior is the criminal act according to Islamic Law. This wrong deed was determined by Kelantan Government in Enactment of Shariah Criminal Law II 1993. This determination was lead to the confusion among society. This article will discover about this issue with the explanation from Islamic. Perspective related with the 'hukum' of sodomy.

اللواط جنایة من الجنایات في قوانين الجريمة في الإسلام . فقد سنت حكومة كلنتان تشريعا خاصا لأحكام اللواط في قانون الشريعة للجنایة الثاني عام 1993. وقد أساء بعض الجهات فهم هذا القانون ففسروه تفسيراً خاطئاً. وعلى ذلك فهذه المقالة تحاول أن تلقي الضوء على القضية استنادا الى تلك الشبهات أحكام اللواط في الإسلام.

MUQADDIMAH

Kerajaan Kelantan telah memperuntukan kesalahan Liwat pada 16 dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993 Negeri Kelantan yang berbunyi: Liwat ialah suatu kesalahan yang merupakan persetubuhan di antara seorang lelaki dengan seorang lelaki yang lain atau di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan selain daripada isterinya yang dilakukan di luar tab'i iaitu melalui dubur. Tiga patah perkataan yang digunakan di dalam seksyen tersebut iaitu selain daripada isterinya yang memberi erti seolah-olah perbuatan itu dibenarkan dalam hubungan suami isteri tetapi haram dengan bukan isteri telah mencetuskan kontroversi sehingga beberapa pihak telah menyatakan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II itu sebagai menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar.

* Pensyarah di Jabatan Syariah, KIAS.

Peruntukan ini telah disalah tafsir oleh sesetengah pihak, justeru itu kajian ini dibuat untuk memberi gambaran yang jelas tentang hukum liwat yang terdapat di dalam enakmen berkenaan secara menyeluruh. Semoga huraian ini dapat menyingkap kekaburan yang timbul di kalangan sesetengah masyarakat mengenai undang-undang jenayah Islam tersebut.

Kandungan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993.

Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993 Kelantan ini mengandungi enam bahagian dan lima jadual. Enam bahagian ini dipecahkan pula kepada 72 seksyen.

Bahagian I Enakmen ini mengandungi di dalamnya jenis-jenis kesalahan hudud iaitu kesalahan mencuri, merompak, zina, menuduh zina, liwat, bersetubuh dengan mayat, bersetubuh dengan binatang, minum bahan yang memabukkan dan kesalahan murtad. Di samping kesalahan-kesalahan ini disertakan juga hukuman-hukuman yang ditetapkan untuk setiap kesalahan tersebut.

Bahagian II pula mengandungi di dalamnya jenis-jenis kesalahan qisas iaitu kesalahan pembunuhan sengaja, pembunuhan separuh sengaja dan pembunuhan tidak sengaja. Bahagian ini juga menjelaskan tentang jenis-jenis kesalahan kecederaan iaitu kecederaan sengaja dan tidak sengaja. Kesalahan-kesalahan ini dijelaskan bersamanya hukuman-hukuman yang ditetapkan bagi setiap kesalahan itu.

Bahagian III Enakmen ini memperuntukkan tentang beban bukti. Ianya meliputi penyaksian dan syarat-syarat kelayakan saksi, pengakuan dan juga qarinah. Bahagian ini juga memperuntukkan ta'zir sebagai ganti hukuman hudud apabila keterangan tidak mencukupi untuk membuktikan kesalahan hudud.

Bahagian IV pula menjelaskan tentang prosedur pelaksanaan hukuman. Hukuman tidak boleh diubah. Pengesahan dan pemeriksaan kesihatan pesalah perlu dibuat sebelum hukuman dilaksanakan. Hukuman yang ditetapkan ialah hukuman hudud seperti potong tangan dan kaki, sebat dan rejam dan penangguhan hukuman bagi perempuan yang hamil dan yang menyusui anak.

Bahagian V Enakmen ini mengandungi perkara umum iaitu menjelaskan tentang pemakaian Enakmen ini, bersubahat dan niat bersama dalam melakukan jenayah mencuri secara berkumpulan, cuba melakukan jenayah, prosiding tidak boleh diambil di bawah kanun kesiksaan dan pemakaian hukum syara' dalam tafsiran undang-undang ini.

Bahagian VI memperuntukkan tentang mahkamah-mahkamah yang mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan-kesalahan di atas. Mahkamah-mahkamah itu ialah mahkamah syariah dan mahkamah rayuan khas sebagai tambahan kepada mahkamah syariah yang sedia ada. Bahagian ini juga menerangkan tentang kelayakan hakim dan kuasa perlantikannya, kadar gaji dan keistimewaan-keistimewaan lain yang berhak diperolehinya.

Lima jadual pula menjelaskan tentang seksyen-seksyen tertentu yang terdapat di dalam Enakmen ini. Jadual I berkaitan dengan perkataan Arab menjelaskan tentang seksyen 2. Jadual II berkaitan jumlah *irsy* yang dikenakan bayaran kerana melakukan perbuatan mencederakan anggota badan. Jadual III menerangkan jumlah *irsy* dan tempoh lama penjara yang dihukumkan kerana melakukan syajjah. Jadual IV menjelaskan seksyen 38 (C) berkaitan dengan jumlah *irsy* dan tempoh penjara kerana melakukan jurh. Jadual V memperincikan seksyen 53 iaitu kaedah-kaedah hukuman sebat.

KESALAHAN LIWAT DI DALAM ENAKMEN KANUN JENAYAH SYARIAH II 1993

Kesalahan liwat di dalam kanun jenayah ini dikira sebagai kesalahan hudud walaupun di dalam seksyen 4 liwat tidak termasuk di dalam kesalahan hudud namun di dalam seksyen 16,17 dan 18 ianya dianggap seperti kesalahan zina.

SEKSYEN 16

Liwat ialah suatu kesalahan yang merupakan persetubuhan di antara seorang lelaki dengan seorang lelaki yang lain atau di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan selain daripada isterinya yang dilakukan di luar tabii iaitu melalui dubur.

SEKSYEN 17

Hukuman liwat :-

Sesiapa yang melakukan kesalahan liwat hendaklah dihukum dengan hukuman yang sama seperti yang telah ditetapkan bagi zin

SEKSYEN 18

Membuktikan liwat :-

Kesalahan liwat hendaklah dibuktikan dengan cara yang sama yang dikehendaki untuk membuktikan zina.

JENIS LIWAT

Jenis liwat yang boleh difahami dari seksyen 16 di atas terbahagi kepada tiga jenis :-

- 1) Liwat di antara seorang lelaki dengan seorang lelaki
- 2) Liwat di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang bukan isterinya.
- 3) Liwat di antara seorang lelaki dengan isterinya

Jenis 1 dan 2 lebih dikenali sebagai liwat kubra sementara jenis 3 dinamakan liwat sughra.

Jenis kesalahan 1 dan 2 akan dikenakan hukuman had zina, sementara liwat isteri pula dikecualikan dari hukuman had zina. Walaupun dikecualikan dari hukuman hudud namun ia tetap dikira sebagai satu kesalahan di negeri Kelantan dan akan dikenakan hukuman ta'zir. Di dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985 memperuntukkan di dalam seksyen 14 yang berbunyi :

"Sesiapa yang dengan sengaja melakukan perbuatan liwat yang tidak boleh dikenakan hukuman had mengikut hukum syara' adalah bersalah atas kesalahan dan boleh, apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan disebat enam kali".

DALIL PENGHARAMAN LIWAT

Ayat -ayat Al-Quran yang berkaitan dengan pengharaman liwat

وَلَوْ طَأَّ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَاحِشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ
إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِنْ دُونِ النِّسَاءِ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ..

Maksudnya :

"Dan kami mengutus Luth. Ingatlah ketika dia berkata kepada kaumnya mengapa kamu memperbuat kejahatan yang belum pernah diperbuat oleh seseorang pun dari bangsa-bangsa? Sesungguhnya kami ingin kepada laki-laki bukan kepada perempuan, bahkan kamu kaum yang melampau". (al-A'raaf: 80-81)

أَتَأْتُونَ الذُّكْرَانَ مِنَ الْعَالَمِينَ وَتَذَرُونَ مَا خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ مِنْ أَزْوَاجِكُمْ بَلْ
أَنْتُمْ قَوْمٌ عَادُونَ

Maksudnya :

"Mengapa kamu mendatangi lelaki dari manusia ini, dan kamu tinggalkan isteri-isterimu yang telah diciptakan Tuhan untuk pasanganmu. Bahkan kamu adalah kaum yang melanggar batas". (al-Syura 165-166)

وَلَوْ طَأَّ آتَيْنَاهُ حُكْمًا وَعِلْمًا وَنَجَّيْنَاهُ مِنَ الْقَرْيَةِ الَّتِي كَانَتْ تَعْمَلُ الْخَبَائِثَ إِنَّهُمْ
كَانُوا قَوْمَ سَوَاءٍ فَاسِقِينَ

Maksudnya :

"Dan telah kami berikan kepada Luth hukum-hukum (peraturan) dan ilmu pengetahuan, dan kami selamatkan dia dari negeri yang penduduknya melakukan seburuk-buruk kejahatan. Sesungguhnya mereka itu adalah kaum yang jahat lagi fasiq". (al- Anbiya' 74)

فَلَمَّا جَاءَ أَمْرُنَا جَعَلْنَا عَالِيَهَا سَافِلَهَا وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهَا حِجَارَةً مِنْ سِجِّيلٍ
مَنْضُودٍ مُسَوَّمَةٍ عِنْدَ رَبِّكَ وَمَا هِيَ مِنَ الظَّالِمِينَ بِبَعِيدٍ

Maksudnya :

"Tatkala datang perintah Kami, Kami jadikan tanah tingginya menjadi rendah dan Kami turunkan atas mereka hujan batu dari tanah yang terbakar dengan berturut-turut, yang diberi tanda di sisi Tuhan engkau, dan siksaan itu tiada jauh dari orang-orang yang zalim". (Hud : 82-83)

Ayat di atas menyifatkan perbuatan liwat sebagai perbuatan keji. Ia termasuk dalam larangan Allah sebagaimana firmanNya :-

قُلْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّي الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطْنٌ

Maksudnya:

"Katakan Tuhanku melarang perbuatan-perbuatan yang keji, baik yang nampak atau yang tersembunyi. (al-A'raaf : 33)

Allah juga menyifatkan pelaku liwat sebagai orang yang melampau dan kaum fasiq. Antara siksaan yang ditimpa ke atas kaum Nabi Luth ialah penglihatan mereka dipadamkan, muka mereka di hitamkan, kampung mereka diterbalikkan, mereka ditenggelamkan ke dalam bumi dan mereka dihujani dengan batu yang terbakar.¹

Hadis – hadis Nabi berkaitan dengan pengharaman liwat.

ملعون من عمل قوم لوط

Maksudnya :

"Dilaknat orang yang melakukan perbuatan kaum Nabi Luth (liwat)".²

إن أخوف ما أخاف على أمتي عمل قوم لوط

Maksudnya :

"Sesungguhnya amalan umatku yang paling menakutkan aku ialah perbuatan kaum Nabi Luth (liwat) "³

من وجدتموه يعمل عمل قوم لوط فاقتلوه الفاعل والمفعول به

Maksudnya :

"Sesiapa yang mengetahui terdapat orang yang melakukan perbuatan kaum Luth, maka bunuhlah pelaku liwat dan yang kena liwat itu".⁴

PANDANGAN ULAMAK TENTANG LIWAT KUBRA

Liwat kubra ialah persetubuhan di antara seorang lelaki dengan seorang lelaki yang lain atau di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan selain isterinya melalui dubur. Ulamak bersepakat tentang hukum haram liwat tetapi mereka berbeza pendapat mengenai hukuman bagi kesalahan ini. Pendapat mereka itu boleh dibahagikan kepada tiga iaitu :

- (1) Hukuman liwat kubra adalah sama seperti hukuman zina iaitu direjam orang yang telah muhsan dan disebat seratus kali orang yang belum muhsan. Pandangan ini telah dikemukakan oleh jumhur fuqaha' iaitu golongan Malikiah, Syafiih dan Hanabilah.⁵

Mereka berhujah menggunakan ayat al-quran, hadis, amalan para sahabat dan akal.

- a) Dalil dari quran berkaitan dengan larangan zina :
Firman Allah :

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً

Maksudnya:

"Dan janganlah kamu dekati perzinaan, sesungguhnya perzinaan itu suatu perbuatan yang keji." (al-Isra' : 32)

Dan firman Allah tentang perbuatan liwat :

أَتَأْتُونَ الْفَاحِشَةَ

Maksudnya:

"Mengapakah kamu melakukan perbuatan keji." (al-A'raaf: 80)

Perbuatan zina dan liwat, kedua-duanya dinamakan oleh Allah sebagai *"Fahishah"* (perbuatan yang keji). Persamaan dari segi nama menunjukkan persamaan dari segi hukuman.

b) Dalil dari hadis Rasulullah s.a.w. bersabda :

إِذَا أَتَى الرَّجُلُ الرَّجُلَ فَهُمَا زَانِيَانِ

Maksudnya :

"Apabila lelaki menyetubuhi lelaki maka kedua – duanya dianggap sebagai penzina".⁶

Oleh kerana Rasulullah s.a.w menamakan pelaku liwat sama seperti penzina maka persamaan nama ini menunjukkan persamaan dari segi hukumannya.

c) Athar sahabat

Perbuatan Sayyidina Uthman menghukum pelaku liwat yang belum muhson dengan disebat seratus kali dan dalam athar itu Sayyida Ali menjelaskan bahawa orang itu boleh direjam sekiranya dia telah muhson.⁷

d) Akal

Perbuatan liwat sama seperti perbuatan zina dari segi terdapat unsur kemasukan kemaluan.⁸

(2) Hukumannya ialah hukuman mati secara mutlak samaada pelakunya telah muhson atau belum muhson. Pandangan ini diambil dari riwayat Hanabilah, satu qaul Shafiih dan pendapat rajih bagi Malikiah.⁹

Mereka berhujjah dengan mengemukakan hujjah hadis, ijma' dan akal.

a) Hadis

Rasulullah s.a.w bersabda:

من وجدتموه يعمل عمل قوم لوط فاقتلوا الفاعل والمفعول به

Maksudnya :

"Sesiapa yang mengetahui terdapat orang yang melakukan perbuatan kaum Luth, maka bunuhlah pelaku liwat dan yang kena liwat itu".¹⁰

Hadis di atas memerintahkan dibunuh peliwat dan orang yang kena liwat tanpa membezakan di antara yang telah muhsan dan yang tidak muhsan .

Rasulullah s.a.w bersabda:

الذى يعمل عمل قوم لوط فارجموا الأعلى والأسفل

Maksudnya :

"Orang yang melakukan perbuatan kaum Nabi Luth, hendaklah direjam yang di atas dan yang dibawah".¹¹

Hadis di atas menunjukkan orang yang melakukan liwat dan orang yang kena laku akan direjam. Rejam adalah salah satu bentuk hukuman mati. Hadis di atas mewajibkan hukuman mati dikenakan ke atas peliwat dan yang kena liwat, Walaupun golongan ini bersepakat menerima hukuman mati bagi kesalahan liwat namun mereka berbeza pendapat tentang bentuk hukuman mati. Perbezaan pendapat itu akan dibincang pada perbincangan selepas ini .

b) Ijma'.

Para sahabat telah bersepakat mengenakan hukuman mati ke atas peliwat dan yang kena liwat, namun mereka berselisih pendapat tentang cara pelaksanaan hukuman mati. Ijma' sahabat ini disebut oleh Ibn Qudamah, Ibn Qayyim dan Al-Syaukani.¹²

c) Akal .

Hukuman mati adalah wajar dikenakan ke atas peliwat dan yang kena liwat kerana menepati kaedah syara' iaitu setiap perbuatan yang haram yang dipandang jijik akan dikenakan hukuman berat sebagai contoh seseorang yang bersetubuh dengan orang yang diharamkan bersetubuh buat selamanya adalah lebih besar dosanya dari menyetubuhi orang yang diharamkan bersetubuh sebelum kahwin. Di dalam hal ini hukumannya adalah lebih berat lagi.¹³

- (3) Hukumannya ialah ta'zir yang diserahkan kepada budi bicara hakim untuk menjatuhkannya. Pandangan ini dikemukakan oleh Abu Hanifah.

Mereka berhujah dengan hujah akal antaranya ialah :-

- a) Zina dan liwat adalah dua nama yang berbeza. Perbezaan ini menunjukkan perbezaan hakikatnya. Justeru itu para sahabat berbeza pendapat dalam menentukan hukuman liwat ini. Jika hukuman liwat itu sama seperti zina, maka mereka tidak akan berselisih pendapat kerana hukuman zina telah jelas nasnya. Ada di kalangan sahabat yang mengenakan hukuman direjam, dibakar atau dihempap dinding ke atas peliwat dan orang yang kena liwat.
- b) Kesan liwat tidak sama dengan kesan zina kerana kesan liwat tidak akan menyebabkan kekeliruan keturunan dan mensia-siakan nasib anak. Oleh kerana itu, hukuman ta'zir yang lebih sesuai berbanding dengan hukuman hudud ke atas peliwat dan yang kena liwat.
- c) Perbuatan liwat jarang berlaku berbanding dengan zina kerana tidak terdapat kecenderungan seks daripada kedua pihak secara berterusan berbanding dengan zina yang kecenderungan seks daripada kedua pihak berterusan. Ini menunjukkan perbuatan liwat hanya akan dikenakan hukuman ta'zir sahaja.¹⁴

Dari pandangan ulama' di atas, ternyata bahawa Enakmen Kanun Jenayah Syariah 11 1993, Negeri Kelantan telah memilih pendapat pertama, sebagaimana disebut dalam seksyen 17 iaitu hukuman liwat bagi sesiapa yang melakukan kesalahan liwat hendaklah dihukum dengan hukuman yang sama seperti yang telah ditetapkan bagi zina. Dalam hal ini, penulis lebih cenderung kepada pendapat yang kedua iaitu hukuman mati. Penulis bersetuju dengan alasan-alasan yang dikemukakan oleh pengarang-pengarang Fiqh Jenayah Islam moden yang menyokong pendapat ini¹⁵.

Antara alasannya ialah :-

- 1- Kekuatan dalil golongan ini ialah kerana terdapat nas yang sahih tentang hukuman mati iaitu hadis Ibn Abbas:-

من وجدتموه يعمل عمل قوم لوط فاقتلوا الفاعل والمفعول به

Maksudnya :

"Sesiapa yang mengetahui terdapat orang yang melakukan perbuatan kaum Nabi Luth, maka bunuhlah pelaku liwat dan yang kena liwat itu".¹⁶

Hadis tadi adalah hadis yang paling sahih dalam masalah ini . Hadis di atas juga dikuatkan dengan beberapa hadis lain antaranya :

a) Hadis

الذى يعمل عمل قوم لوط فارجموا الأعلى والأسفل

Maksudnya:

"Orang yang melakukan perbuatan kaum Nabi Luth, hendaklah direjam yang di atas dan yang dibawah".¹⁷

b) Hadis

من عمل عمل قوم لوط فاقتلوا الفاعل والمفعول به

Maksudnya :

"Sesiapa yang melakukan perbuatan kaum Nabi Luth (liwat), maka bunuhlah pelaku dan yang kena liwat".¹⁸

Sekiranya tidak terdapat dalil dari nas hadis untuk menyokong pandangan ini memadai dengan dalil Ijma' para sahabat.

2- Dalil pendapat pertama yang mengatakan hukuman liwat sama seperti hukuman zina berdasarkan dua ayat quran yang menyebut perbuatan liwat dan zina adalah sama sebagai perbuatan yang keji. Persamaan perbuatan ini menunjukkan persamaan hukumannya. Pandangan ini boleh ditolak dengan menyatakan bahawa tidak semestinya penggunaan lafaz "Fahishah" (perbuatan yang keji) pada liwat maka hukumannya sama seperti hukuman zina. Ini kerana lafaz "fahishah" digunakan untuk menunjukkan perbuatan yang mendatangkan dosa-dosa besar seperti firman Allah s.w.t

قُلْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّي الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ

Maksudnya:

"Katakan Tuhan melarang perbuatan-perbuatan keji baik yang nampak atau yang tersembunyi. (al-A'raaf : 33)

Kalau diterima hujjah di atas, maka setiap perbuatan dosa besar seperti saksi palsu dan derhaka pada ibu bapa akan dikenakan hukuman zina juga kerana dinamakan "fahishah". Dalam hal ini tidak ada sesiapaupun yang mengatakan pandangan seperti itu.

3- Pandangan yang mengatakan hukuman liwat sama seperti zina berhujjah dengan hadis

إذا أتى الرجل الرجل فهما زانيان

Maksudnya ;

*Apabila lelaki menyetubuhi lelaki maka kedua-duanya dianggap pezina.*¹⁹

Hujjah ini ditolak kerana hadis ini lemah dan tidak boleh dijadikan hujjah. Terdapat dalam sanad hadis ini Muhammad Ibn Abdul Rahman yang dinilai sebagai penipu oleh Abu Hatim. Hadis tadi mempunyai jalan lain yang terdapat dalam sanadnya Bisr Ibn al-Fadhl al-Bajili dan dia tidak dikenali (*Majbuh*)²⁰.

Kalau diandaikan hadis di atas sebagai hadis sahih maka maksud kedua-duanya pezina bukan sebagai hakikat sebenar zina tetapi hanya sebagai menggambarkan dosa perbuatan zina. Kenyataan ini disokong oleh sambungan hadis tadi iaitu :

وإذا أتت المرأة المرأة فهما زانيتان

Maksudnya :-

"Apabila perempuan mendatangi perempuan, maka kedua-duanya dianggap sebagai pezina."

Hakikat Zina dianggap tidak wujud dalam perbuatan kedua perempuan di atas. Sebab itu tidak ada sesiapaupun yang mengadakan perempuan yang melakukan lesbian akan dikenakan hukuman zina.

Perkataan zina di dalam hadis tadi hanya menggambarkan "Majaz" sebagaimana dalam hadis lain Rasulullah s.a.w memberitahu bahawa setiap bahagian anggota badan manusia mempunyai zina yang tersendiri seperti zina mata, zina telinga, zina tangan dan zina kaki.²¹

4. Hujjah dengan athar Sayidina Uthman yang membezakan hukuman peliwat muhsan dan yang bukan muhsan tidak boleh

diterima kerana di dalam sanadnya terdapat Jabir al-Ju'fi seorang yang dhoif yang tidak boleh dibuat hujjah riwayatnya.²²

5. Hujjah dengan akal atau qias yang mengatakan bahawa terdapat persamaan antara liwat dan zina dari segi unsur kemasukan ditolak kerana antara syarat sah qias ialah tidak ada nas pada hukum cabang, tetapi di sini terdapat nas iaitu hadis *اقتلوا الفاعل والمفعول به*. Apabila berlaku pertentangan antara nas dan qias maka qias tidak boleh dibuat hujah.

6. Untuk menjawab hujjah golongan yang mengatakan liwat akan dikenakan dikenakan ta'zir kerana perbezaan nama ialah dengan mengatakan bahawa memang diakui bahawa zina dan liwat berbeza, walau bagaimanapun bukan bererti liwat akan dikenakan hukuman ta'zir. Ini kerana tiada sebarang halangan untuk mengatakan bahawa terdapat hukuman khas yang telah ditetapkan oleh syarak iaitu hukuman mati sebagaimana nas hadis *اقتلوا الفاعل والمفعول به*). Wujudnya nas hukuman liwat menunjukkan bahawa ia bukan hukuman ta'zir yang diserahkan kepada hakim. Ia termasuk hukuman yang telah ditetapkan syara' yang wajib dijalankan oleh hakim setelah segala syarat pelaksanaannya dipenuhi.

7. Golongan yang mengatakan hukuman liwat adalah hukuman ta'zir berdasarkan perbezaan pendapat sahabat. Kalau liwat dikenakan hukuman zina maka mereka tidak akan berbeza pendapat kerana hukuman zina sudah jelas. Hujah ini ditolak kerana perselisihan pendapat sahabat itu hanya dalam menentukan bentuk hukuman mati sahaja. Sementara dalam penentuan hukuman asal iaitu hukuman mati, mereka bersepakat menerimanya sebagai ijmak.

8. Antara hujah golongan yang mengatakan perbuatan liwat dihukum ta'zir ialah kesan dan dorongan liwat berbeza dengan kesan dan dorongan zina. Perbezaan ini membawa kepada perbezaan hukuman antara keduanya. Hujah itu boleh diterima kalau dianggap hukuman liwat seperti hukuman zina. Tetapi di sini tidak dikatakan bahawa hukuman liwat seperti hukuman zina, malah dikatakan bahawa liwat mempunyai hukuman yang khusus yang bukan hukuman zina atau hukuman ta'zir. Hukuman khusus itu ialah hukuman mati yang dijelaskan oleh hadis sahih. Apabila telah wujud nas yang sahih dalam sesuatu permasalahan maka tidak ada ruang lagi untuk melakukan qisas dan mengemukakan *ilab-ilab* yang tidak pasti kebenarannya.

CARA PELAKSANAAN HUKUMAN MATI JENAYAH LIWAT KUBRA

Dalam penjelasan lepas telah disebut bahawa para sahabat telah sepakat menerima hukuman mati sebagai hukuman liwat. Walau bagaimanapun mereka berselisih pendapat tentang bentuk hukuman mati. Antara bentuk hukuman mati yang pernah dilakukan oleh para sahabat ialah :

1. Dipancung dengan pedang .
Pandangan ini dinisbahkan kepada Ali bin Abi Talib dan Abu Bakar r.a.²³
2. Direjam dengan batu sehingga mati.
Dinisbahkan pandangan ini kepada Ali dan Ibn Abbas.²⁴
3. Dibakar dengan api
Pendapat ini dikemukakan oleh Umar dan Ali dan dipersetujui oleh Abu Bakar dan dilaksanakan oleh Khalid Ibn al-Walid.²⁵
4. Dicampak dari tempat yang tinggi
Pendapat ini diriwayatkan dari Abu Bakar.²⁶
5. Dihempap dengan dinding
Dinisbahkan pandangan ini kepada Umar, Uthman dan Ali.²⁷

Dari pandangan di atas, jelas bentuk pelaksanaan hukuman mati terdapat pelbagai pendapat. Hal ini berlaku kerana tidak ada nas dari Rasulullah s.a.w tentang cara pelaksanaannya yang ada hanya nas hukuman mati sahaja.²⁸ Oleh kerana itu cara pelaksanaannya diserahkan kepada hakim untuk memilih cara yang sesuai berdasarkan kepada budi bicara pertimbangannya.

PANDANGAN ULAMA' TENTANG LIWAT ISTERI

Kekeliruan telah timbul di kalangan sesetengah masyarakat mengatakan bahawa seksyen 16 Kanun Jenayah Syariah II ini bercanggah dengan Islam kerana tidak menganggap perbuatan meliwat isteri sebagai satu kesalahan. Jika dilihat sepintas lalu, seksyen itu seolah-olah membenarkan suami meliwat isterinya. Pandangan ini tidak tepat dengan seksyen 16 yang bermaksud bahawa liwat isteri tidak dianggap sebagai kesalahan hudud dan tidak boleh dikenakan hukuman hudud. Walau bagaimanapun perbuatan itu tetap

dianggap sebagai satu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman ta'zir. Seksyen 14, Enakmen Kanun Jenayah Syariah tahun 1985, menyatakan bahawa perbuatan liwat yang tidak boleh dikenakan hukuman had akan dikenakan hukuman ta'zir. Antara dalil pengharaman liwat isteri ialah :

1. Hadis yang berbunyi

إن الله لا يستحي من الحق ثلاث مرات لا تأتوا النساء في أدبارهن

Maksudnya:

"Sesungguhnya Allah tidak malu untuk menyatakan kebenaran (diulang sebanyak tiga kali) janganlah kamu menyetubuhi isteri kamu melalui duburnya".²⁹

2. Hadis

كان النبي صلى الله عليه وسلم نهي أن تؤتى المرأة من قبل دبرها

Maksudnya :

Sesungguhnya Nabi s.a.w melarang melarang menyetubuhi isteri melalui dubur".³⁰

3. Hadis

ملعون من أتى امرأته في دبرها

Maksudnya:

"Dilaknat orang yang menyetubuhi isterinya melalui dubur".³¹

Hadis diatas menceritakan bahawa orang yang melakukan liwat isteri akan dilaknat. Maksud laknat ialah jauh dari rahmat Allah. Laknat tidak akan dikenakan ke atas seseorang kecuali apabila ia melakukan perbuatan haram.

Diriwayatkan bahawa setengah ulama' menghalalkan liwat isteri walaubagaimanapun riwayat itu tidak betul. Sebagaimana dijelaskan oleh al-Qurtubi dalam tafsirnya:

"Pendapat yang menghalalkan liwat isteri yang dinisbahkan kepada Imam Malik dan sahabat-sahabatnya adalah tidak betul kerana mereka melepaskan diri dari pandangan seperti itu. Dibenarkan menyetubuhi isteri banya pada

tempat bercucuk tanam iaitu isteri sahaja sebagaimana firman Allah "فَاتُوا"

"حَرْثَكُمْ".³² Hikmah diwujudkan perkahwinan adalah untuk pembiakan keturunan. Maka tempat yang tidak boleh membiak keturunan tidak termasuk kontrak perkahwinan. Kalau Allah mengbaramkan persetubuhan ketika isteri dalam keadaan baid kerana terdapat najis sementara, maka diharamkan liwat isteri lebih utama lagi kerana terdapat najis yang berkekalan.

Ibn Wahab dan Ali bin Ziyad telah memberitahu Imam Malik bahawa penduduk Mesir heboh memperkatakan bahawa beliau menghalalkan liwat isteri. Beliau menolak cerita itu dan dengan segera menuduh pembawa cerita itu sebagai berbohong dengan katanya, mereka berbohong dengan aku diulangi sebanyak 3 kali, bukanlah kamu bangsa Arab dan bukankah Allah berfirman³³ "نَسَأَكُمْ حَرْثَكُمْ" dan tidakkah tempat bercucuk tanam mesti diletakkan yang boleh membiak.³⁴

Dari segi logik liwat isteri mempunyai keburukan dan bahaya Liwat isteri yang tersendiri antaranya ialah:

Liwat isteri akan memutuskan pembiakan keturunan. Isteri mempunyai hak persetubuhan dari suami. Liwat akan menghalang haknya dan tidak dapat memuaskan syahwatnya. Mendatangkan keluh kesah, kerunsingan dan kebencian antara suami dan isteri. Perbuatan liwat ini juga akan memisahkan antara pasangan suami isteri, selain dari itu liwat akan menghitamkan muka (hilang ceria) dan menggelapkan hati³⁵.

Dari segi hukuman dalam undang-undang jenayah Islam pula, Jumhur Ulama' berpendapat³⁶ bahawa suami yang meliwat isteri tidak dikenakan hukuman hudud tetapi akan dikenakan hukuman ta'zir. Hukuman ta'zir ialah hukuman menurut budibicara hakim. Antara bentuk hukuman ta'zir ialah teguran, ancaman pendedahan di khalayak ramai, denda, sebat dan hukuman mati. Hakim diberikan kuasa untuk memilih bentuk hukuman yang sesuai berdasarkan diri pesalah dan keseriusan kesalahan. Hukuman yang dipilih mestilah boleh mencegah jenayah dan memulihkan akhlak pesalah. Hukuman ini berasaskan bahawa isteri tempat persetubuhan secara keseluruhan. Asas ini merupakan satu keraguan yang menghalang dikenakan hukuman hudud

Hadis ada menyebut :

إدركوا الحدود بالشبهات

Maksudnya:

"Ketepikanlah hukuman hudud kerana keraguan" ³⁷

Setengah ulama'mensyarat hukuman ta'zir hanya apabila perbuatan liwat isteri itu dilakukan berulang kali³⁸.

Pendapat kedua ini sukar diterima kerana syarat yang diberikan tidak disokong oleh sebarang dalil dan sekiranya ia diterima akan boleh memberi ruang kepada perbuatan liwat isteri yang tidak berulang.

HUKUMAN HUDUD DIKETEPIKAN KERANA KERAGUAN

Meliwat isteri tetap menjadi satu kesalahan tetapi tidak boleh dikenakan hukuman hudud disebabkan terdapat keraguan. Apabila sesuatu kesalahan telah diketepikan hukuman hudud, maka sebagai gantinya hukuman ta'zir akan dikenakan.

Dalil bagi kaedah diketepikan hukuman hudud kerana keraguan ialah hadis Nabi s.a.w yang berbunyi :

إدركوا الحدود بالشبهات

Maksudnya:

"Ketepikanlah hukum hudud kerana keraguan (dalam penghakiman)" ³⁹

ادفعوا الحدود ما وجدتم لها مدفعا

Maksudnya:

"Ketepikanlah hukuman hudud jika kamu menemui baginya jalan boleh ditolak" ⁴⁰

إدركوا الحدود عن المسلمين ما استطعتم فإن كان له مخرج فخلوا سبيله

فإن الإمام أن يخطئ في العفو خير من أن يخطئ في العقوبة

Maksudnya ;

"Ketepikanlah hukuman hudud itu daripada orang Islam selagi kamu mampu dan sekiranya kamu dapati ada jalan keluar bagi orang Islam maka biarkan dia pergi. Sesungguhnya jika Imam (hakim) melakukan kesilapan dalam memberi maaf lebih baik daripada melakukan kesilapan dalam menjatuhkan hukuman".⁴¹

Umar al-khattab berkata : membatalkan kes hudud dengan keraguan itu lebih aku suka daripada melaksanakannya dengan keraguan.⁴²

Menurut al-Sakhawi ucapan Sayidina Umar di atas diriwayatkan melalui sanad yang sahih. Hadis-hadis di atas disokong kuat oleh Ijma' para Fuqaha' dan penerimaan umat Islam.⁴³

Menurut Abdul Kadir Audah bahawa keraguan yang mengetepikan hukuma hudud dalam kesalahan liwat isteri ialah keraguan memiliki (syubhal al-milk). Perkahwinan menjadikan isteri di bawah pemilikan suami. Perkahwinan juga memberikan hak kepada suami untuk berseronok bersama isteri pada seluruh anggotanya. Pemilikan inilah yang menyebabkan wujudnya keraguan untuk membenarkan suami meliwat isterinya. Kewujudan ini akan mengetepikan hukuman hudud.

Untuk menambahkan kefahaman tentang keraguan pemilikan ini, boleh dilihat dalam kes apabila seseorang ayah mencuri harta anaknya. Ketika ayah itu mengambil harta anak secara sembunyi, maka dia dikira sebagai pencuri yang wajib dikerat tangannya. Walaubagaimanapun hukuman potong tangan diketepikan terhadap si ayah kerana keraguan bahawa si ayah mempunyai pemilikan terhadap harta anaknya.⁴⁴

Asas kepada keraguan ini ialah sabda Rasulullah s.a.w yang berbunyi:

انت ومالك لأبيك

Maksudnya:

"Kamu dan hartamu adalah milik ayahmu".⁴⁵

Kesimpulan dari contoh tadi terdapat dalam Enakmen Jenayah Syariah II, pengecualian terhadap hukum hudud (potong tangan) bagi kesalahan mencuri dalam beberapa keadaan. Antaranya seksyen 7 (j) memperuntukkan apabila kesalahan itu berlaku dalam keluarga seperti isteri mencuri daripada suaminya dan sebaliknya atau anak mencuri daripada bapanya dan sebaliknya.

Jika dibanding seksyen 16 dan 7 (j) tadi, kita akan dapati bahawa pengecualian tidak bererti kebenaran untuk melakukan liwat isteri atau

mencuri dalam keluarga tetapi ia adalah pengecualian dari dikenakan hukuman hudud. Walaupun terlepas daripada hukuman hudud, namun perbuatan itu tetap dianggap kesalahan yang akan dikenakan hukuman ta'zir.

CARA PEMBUKTIAN KESALAHAN LIWAT ISTERI

Setelah kita menerima bahawa meliwat isteri bukan termasuk di bawah kesalahan hudud maka seksyen 18 yang berbunyi "kesalahan liwat hendaklah dibuktikan dengan cara yang sama yang dikehendaki untuk membuktikan zina" adalah tidak berkaitan. Seksyen itu adalah cara pembuktian untuk kesalahan liwat kubra.

Kalau cara untuk membuktikan kesalahan liwat sama seperti cara untuk membuktikan kesalahan zina, maka keadilan tidak akan dapat ditegakkan. Adalah sesuatu yang mustahil bagi seseorang isteri yang dipaksa melakukan liwat dan ingin mendakwa suaminya membawa empat orang saksi lelaki adil yang nampak perbuatan itu. Ini kerana hubungan di kamar tidur adalah rahsia suami isteri.

Oleh kerana meliwat isteri termasuk di bawah kesalahan ta'zir, maka cara untuk membuktikan kesalahan ta'zir tidaklah seketat atau setinggi tahap pembuktian kesalahan hudud. Antara cara yang disebut oleh ulama' ialah pengakuan pesalah, keterangan saksi, keengganan bersumpah, maklumat hakim, kesaksian saksi-saksi wanita bersama saksi-saksi lelaki, kesaksiaan seseorang berdasarkan kepada kesaksian saksi-saksi lain dan surat seorang kadi kepada kadi yang lain.⁴⁶

Penulis berpendapat untuk membuktikan kesalahan ta'zir qarinah atau tanda yang berkaitan dengan kes itu boleh digunakan. Antara qarinah moden yang popular ialah cap jari, kesan tapak kaki, bedah siasat, ujian makmal, fotografi, rakaman suara, rakaman video dan sebagainya.⁴⁷ Dalam konteks liwat isteri, surat akuan, pemeriksaan doktor pakar boleh dijadikan dokumen penting untuk menghukum suami yang meliwat isteri.

PAKSAAN MELAKUKAN LIWAT

Hukuman liwat dalam seksyen 17 adalah berkaitan dengan perbuatan liwat yang dilakukan secara sukarela antara peliwat dan yang kena liwat. Persoalan yang akan timbul ialah apakah hukuman yang sesuai dikenakan kepada peliwat yang memaksa seseorang melakukan liwat. Adakah orang yang kena

liwat dikenakan juga hukuman Enakmen Kanun Jenayah Syariah II tidak memperuntukkan hukuman liwat dalam keadaan terpaksa.

Untuk menjawab persoalan tadi, penulis kemukakan prinsip asas pengecualian hukuman dalam Islam dari hadis yang berbunyi:

إن الله تجاولي عن أمي الخطأ والنسيان وما استكرهوا عليه

Maksudnya :

"Allah memberi maaf kepada umatku orang yang tersalah, orang yang terlupa dan yang dipaksa".⁴⁸

Kesimpulan dari hadis di atas dapat difahami bahawa orang dipaksa melakukan liwat tidak akan dikenakan hukuman. Dalam kes ini hanya peliwat sahaja yang akan dihukum.

KHATIMAH

Daripada huraian dan perbincangan tadi, dapatlah disimpulkan bahawa perbuatan liwat samada liwat kubra atau liwat sughra adalah haram di sisi agama Islam. Liwat kubra dikategorikan sebagai kesalahan hudud dan hukumannya bukan hukuman zina tetapi ianya mempunyai hukuman yang khusus iaitu hukuman mati secara mutlak samada peliwat dan yang kena liwat telah berkahwin atau belum. Hukuman mati ini telah disepakati oleh sahabat Nabi s.a.w.

Liwat sughra (liwat isteri) pula tidak akan dikenakan hukuman hudud kerana timbul keraguan memiliki (syubhah milk) di mana isteri dianggap sebagai tempat untuk suami berseronok bersama dengannya secara keseluruhan. Apabila hukuman hudud diketepikan dalam penghakiman, maka ia akan dikenakan hukuman ta'zir. Sebarang bentuk hukuman yang boleh menolong mencapai matlamat pencegahan jenayah dan pemulihan akhlak pesalah boleh digunakan sebagai hukuman ta'zir selagi ia tidak bertentangan dengan prinsip umum syariah.

Cara pembuktian liwat isteri tidak sama dengan cara pembuktian liwat kubra. Pembuktian liwat kubra adalah sama seperti pembuktian zina. Untuk membuktikan liwat isteri tidak seketat atau setinggi tahap pembuktian liwat kubra. Liwat isteri boleh dibuktikan dengan qarinah dan surat akuan pemeriksaan doktor pakar.

Dalam kes paksaan melakukan liwat, orang yang kena liwat tidak akan dihukum, hanya peliwat sahaja yang akan dihukum. Oleh kerana Enakmen Kanun Jenayah Syariah II tidak memperuntukkan hukuman liwat dalam keadaan terpaksa, maka dicadangkan supaya hukuman peliwat yang memaksa orang lain melakukan liwat dan cara pembuktian kesalahan liwat dalam keadaan terpaksa diadakan dalam enakmen berkenaan. Adalah diharapkan di masa hadapan agar Enakmen Kanun Jenayah Syariah II dapat digubal mengikut standard Kanun Kesiksaan Malaysia yang mengandungi huraian, pengecualian dan misalan. Ini bertujuan supaya kekeliruan dapat dielakkan.

Walaupun Enakmen Kanun Jenayah Syariah II mengundang kekeliruan dan kekaburan, namun penggubalan dan kelulusan Enakmen ini di Dewan Undangan Negeri Kelantan banyak mendatangkan kesan positif kepada masyarakat. Walaupun Enakmen ini tidak dapat dilaksanakan kerana sekatan Perlembagaan Persekutuan dan Akta Parlimen, namun usaha ini telah membuka mata masyarakat untuk berbincang tentang undang-undang jenayah Islam secara lebih terbuka dan ilmiah. Puluhan artikel, kertas kerja dan buku telah ditulis membincangkan tentang Enakmen ini. Ada golongan yang menulis menyokong Enakmen ini, tidak kurang pula ada yang mengkritik.

Walaupun terdapat kritikan, namun kebanyakannya hanya menyentuh aspek-aspek teknikal sahaja. Mereka tidak mempertikaikan hukuman hudud kerana ia adalah wahyu tuhan yang perlu diterima dan dilaksanakan. Sebagai contoh Allahyarham Profesor Dato' Dr. Mahmud Saedon Awang Othman menulis kertas kerja yang dibentangkan dalam Bengkel Eksklusif. Penjelasan Kanun Jenayah Syariah, 26 Januari 1994, mengakui bahawa Enakmen Kanun Jenayah Syariah ini adalah berdasarkan hukum syara' dan dalam menafsir Enakmen ini, hukum syara' akan dipakai dan dirujuk. Dalam bengkel yang sama, Allahyarham Tan Sri Profesor Dr. Ahmad Ibrahim menegaskan bahawa peruntukan mengenai hudud dan Qisas di Enakmen Kanun Jenayah boleh diterima dengan beberapa pindaan yang perlu. Maksud beberapa pindaan yang perlu oleh Allahyarham Tan Sri ialah perkara berkaitan dengan teknikal. Pemansuhan dan pindaan bukan suatu perkara yang asing dalam mana-mana undang-undang. Perlembagaan Persekutuan dan akta-akta parlimen juga telah mengalami proses pindaan yang berkali-kali.

Nota hujung

¹ Ibn Hajar, al-Hathami, *al-Zawajir au Iqtirafil Kabair*, Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 1978/1407, jld 2. hlm 232.

² Riwayat al-Tirmizi, *Tuhfat al-Abwazi*, Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 1990/1410, jld 5. hlm 18.

³ Ibid, jld 5. hlm 19.

⁴ Ibid, jld 5. hlm 17; Riwayat Abu Daud lihat *Annul Ma'bud*, Beirut, Dar Al-kutub al-Ilmiyah. 1990/1410, jld 6. hlm 99; Riwayat Hakim, *al-Mustadrak Alul Sahihain*, Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyah 1990/1411, jld 4. hlm 395.

⁵ Al-Hatab, *Syarab Mukhtasar Khalil*, Dar al-Fikr, 1992/1412, jld 6. hlm 296; Al-Syarbini, *Al-Mughni al-Mubtag*, Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyah 1415, jld 5. hlm 443; Ibn Qudamah, *Al-Mughni*, Kaherah, Hajr Li al-Tibaah, 1990 / 1410, jld 12 hlm 349.

⁶ Al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyah jld 8. hlm 233.

⁷ Al-Zaila'i, *Nasab al-Ra'yah*, Kaherah, Dar al-Hadith, jld 3. hlm 341.

⁸ Ibn Qudamah, Op.Cit, jld 12. hlm 349.

⁹ Ibn Farhun, *Tafsirah al-Hukam*, Beirut, Dar al Kutub al Ilmiyah, 1301, jld 2. hlm. 177; al-Syurbini, Op.Cit jld 5 hlm. 443, Ibn Qudamah, Op.Cit. jld 12 hlm. 349.

¹⁰ Ibid, jld 5. hlm 17; Riwayat Abu Daud lihat *Annul Ma'bud*, Beirut, Dar Al-kutub al-Ilmiyah. 1990/1410, jld 6. hlm 99; Riwayat Hakim, *al-Mustadrak Alul Sahihain*, Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyah 1990/1411, jld 4. hlm 395.

¹¹ Riwayat Ibn Majah, Lihat *Syarab Ibn Majah Lil Sindi*, Beirut, Dar al-Jail, jld 2. hlm 118.

¹² Ibn Qudamah, Op.Cit, jld 12. hlm. 350; Ibn Qayyim, *Zad al-Ma'ad*, Beirut, *Muassasah al-Risalah*, 1991/1412, jld 5. hlm 40; Al-Shaukani, *Nail al-Author*, Beirut, Dar al- Kutub al-Ilmiyah 1995/1415, jld 7. hlm 123.

¹³ Ibn Qayyim, Op.Cit jld 5. hlm 41.

¹⁴ Al-Kasani, *al-Bada'i al-Sonai'*, Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyah, jld 7. hlm 34.

¹⁵ Al-Ghamidi, *Uqubah al-'Adami al-Ghamidi*, Maktabah Daral Salam, 1992/1413, hlm. 555; Muhammad Bin Ali, *al-Jawab al-Tal'iqi Li Jarimah al Zina*, 1982/1402, hlm 169.

¹⁶ Ibid, jld 5. hlm 17; Riwayat Abu Daud lihat *Annul Ma'bud*, Beirut, Dar Al-kutub al-Ilmiyah. 1990/1410, jld 6. hlm 99; Riwayat Hakim, *al-Mustadrak Alul Sahihain*, Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyah 1990/1411, jld 4. hlm 395.

¹⁷ Riwayat Ibn Majah, Lihat *Syarab Ibn Majah Lil Sindi*, Beirut, Dar al-Jail, jld 2. hlm 118.

¹⁸ Al-Zaila'i, Op.Cit, jld 3. hlm. 340.

-
- ¹⁹ Al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyah jld 8. hlm 233
- ²⁰ Al-Shaukani, Op.Cit, jld. 7. hlm. 122
- ²¹ Riwayat al-Bukhari, lihat *Fath al-Bari*, Al-Kaherah Dar Al-Riyan Li Al-Turah 1987 /1407, jld 11. hlm 28.
- ²² Ibn Hajar, *Taqrib al-Tahzib*, Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 1993 / 1413 jld. 1. hlm. 154
- ²³ Al-Shaukani, Op.Cit, jld.7. hlm. 123;
- ²⁴ Ibid .
- ²⁵ al-Zaila'i, Op.Cit. jld.3. hlm 342.
- ²⁶ Ibn al-Qayyim, Op.Cit, jld. 5. hlm. 40
- ²⁷ Ibid.
- ²⁸ al-Shaukani, Op.Cit, jld.7. hlm. 122.
- ²⁹ Riwayat al-Nasai Sunan al-Nasai, *Muassasah al-Risalah* 2001 / 1421 jld. 8. hlm. 193.
- ³⁰ Ibid, jld.8, hlm 193.
- ³¹ Riwayat Abu Daud, Lihat *Aun al-Ma'bud*, Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 1410 / 1990, jld 3. hlm 140.
- ³² Surah al Baqarah. ayat 223.
- ³³ Ibid
- ³⁴ Al-Qurtubi, *al-Jami' al Ahkam al-Quran*, Beirut Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 1988 / 1407 jld 3. hlm 63.
- ³⁵ Al Ghamidi, Op.Cit, hlm 548.
- ³⁶ Ibn Abidin, *Hasiah Ibn Abidin*, Dar al-Fikr, 1979/1399 jld 4 hlm 27; Al-Harab, Op Cit, jld 6. hlm 296;
- ³⁷ Al-Shakhawi, *al-Maqasid al-Hasanah*, Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut 1987 / 1407 hlm. 25
- ³⁸ Al-Sharbini, Op.Cit, jld.5. hlm. 443
- ³⁹ Al-Shakhawi, Op.Cit, hlm. 25
- ⁴⁰ Riwayat Ibn Majah, *Syarh Sunan Ibn Majah li al-Sindi*, Op Cit, jld 2. hlm. 112.
- ⁴¹ Riwayat Al-Tirmizi, *Tuhfah al-Ahwazi*, Op.Cit, jld 4 hlm. 572
- ⁴² Al-Shakhawi, Op.Cit, hlm 52.
- ⁴³ Ibid. Al-Qari, *Mirqab al-Mafatih*, Beirut, Dar al-Fikr. 1992 / 1412 jld.7. hlm 158
- ⁴⁴ Abd-al-Qadir Audah, *al-Tasri'e al-Jina'i al-Islami*, Beirut, Muassasah al-Risalah, 1989 / 1409 jld.1. hlm 209
- ⁴⁵ Riwayat Ibn Majah, *Syarh Sunan Ibn Majah li al-Sindi*, Op.Cit, jld 2. hlm 42.

⁴⁶ Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami Wa'adillatuh*, Dar al-Fikr, Damiyik, 1989 / 1409 jld.6. hlm 209.

⁴⁷ Al-Zahrani, *Taraiq al-Hukm*, Jeddah, Maktabah al-Shahabah, hlm 347-352.

⁴⁸ Al-Hakim, Op Cit, jld.3. hlm 216; Riwayat Ibn Majah, *Syarh Sunan Ibn Majah fi al-Sindi*, Op.Cit, Jld 1, hlm. 630.